

R 0114 DAN
MAHATHIR - SEMARAK

KOTA KINABALU, 2 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, SEJARAH DAN PENGALAMAN TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA KELONGGASAN IKATAN PERPADUAN DAN SIKAP CURIGA-MENCURIGAI SESAMA SENDIRI AKAN MEMERBITKAN KEKACAUAN DAN KERUSIAN DIRI SENDIRI.

BELIAU BERKATA, NEGARA INI BERMASIS BAIK KERANA DAPAT HIDUP AMAN DAMAI HASIL DARIPADA KERJASAMA ERAT SEMUA PIHAK YANG MENGGABUNGKAN KESETIAAN PEMIMPIN, KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA, PERPADUAN KUKUH RAKYAT DAN KESTABILAN POLITIK.

DALAM PERUTUSAN PADA BUKU CENDERAMATA GERAKAN SEMARAK PERINGKAT NEGERI SABAH PERDANA MENTERI BERKATA, RAKYAT JUSA DAPAT MEMIKHATI BERBAGAI-BAGAI KEHEMAHAN DAN HIKMAT DARIPDA KEMERDEKAAN YANG DICAPAI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BAGI MEMASTIKAN KENAMPUAN DAN KESEJAHTERAAN ITU KEKAL, IKATAN PERPADUAN YANG SEDIA MUJUD PADA KALANGAN RAKYAT HESTILAH DIPERKUKUHKAN.

MENURUT BELIAU, MENYEDARI HAKIKAT ITULAH MAKA GERAKAN SEMARAK DIADAKAN DI SETIAP NEGERI. -- LAGI
2330HST 02 11 88

R 0115 DAN
MAHATHIR - SEMARAK 2 KOTA KINABALU

DATUK SERI DR MAHATHIR AKAN MELANCARKAN GERAKAN SEMARAK NEGERI SABAH DI PANTAI DALIT, TUARAN DEKAT SINI ISNIN INI.

PERDANA MENTERI JUSA BERKATA, GERAKAN ITU TELAH DITERIMA OLEH SEMUA PIHAK SEBAGAI SATU DARIPADA CARA MENDEKATKAN PEMIMPIN DENGAN RAKYAT DAN RAKYAT DENGAN PEMIMPIN.

BELIAU BERKATA, KESAMPUAN RAKYAT DAN PEMIMPIN UNTUK SAMA-SAMA MENJAYAKAN GERAKAN SEMARAK MEMBUKTIKAN BAHAWA MELALUI KERJASAMA DAN SEMANGAT BERSATU-PADU, SESUATU USAHA AKAN DAPAT DIJAYAKAN DENGAN LEBIH MUDAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMINTA MASYARAKAT MENGEKALKAN DAN MEMPRAKTIKAN KERJASAMA SERTA KEMESRAAN ANTARA PEMIMPIN DAN RAKYAT SEBAGAI SATU PANDUAN DALAM USAHA MEMBANGUNKAN NEGARA.

NEGARA BERBILANG KAUM SEPERTI MALAYSIA MEMERLUKAN RAKYAT YANG BERSATU PADU DAN HARMONI. JESTRU ITU TEMA SEMARAK NEGERI SABAH +SETIA BERSATUTERAS PERPADUAN + ADALAH TEPAT SEKALI, KATA BELIAU. --LAGI

2336HST 02 11 88

MAHATHIR - SEMARAK 3 KOTA KINABALU

KETUA MENTERI DATUK SERI JOSEPH PAIRIN KITINSAN DALAM PERUTUSAN YANG SAMA BERKATA, KESETIAAN MERUPAKAN SATU DARIPADA CARA UNTUK MENCAPAI HASRAT INTERGRASI NASIONAL.

BELIAU BERKATA, APABILA KESETIAAN DAN KASIH SAYANG TIDAK BERBELAH-BAGI KEPADA PEMIMPIN, RAKYAT, RAJA DAN NEGARA MAKA DENGAN SENDIRINYA CIRI-CIRI INTERGRASI NASIONAL DAN PERPADUAN AKAN MUJUD.

DATUK SERI PAIRIN JUSA BERKATA, CIRI-CIRI KESETIAAN BOLEH MEMBANA KEPADA KEKUATAN PERTAHANAN, KEMAMPUAN MELANAN MUSUH, KEAMANAN DAN KEADILAN YANG SEMUANYA ADA HUBUNGAN DENGAN INTERGRASI NASIONAL.

BELIAU, MENGHARGAI GERAKAN ITU KERANA TUJUAN DAN CITA-CITANYA YANG MURNI DI MANA RAKYAT DAN PEMIMPIN DAPAT BERTEMU Sambil MENJALINKAN HUBUNGAN YANG LEBIH MESRA.

KETUA MENTERI MENYERU RAKYAT NEGERI INI AGAR MENGANDIL BAHAGIAN SEPENUHNYA BAGI MENJAYAKAN GERAKAN ITU DAN MENSEKALKAN SEMANGAT SETIA PADA SEPANJANG ZAMAN. -- BERNAMA

2349HST 02 11 88